
MEMORANDUM BERSAMA -

KRISIS AIR SELANGOR, KUALA LUMPUR dan

PUTRAJAYA

ISU PENANGGUHAN PROJEK PENYALURAN AIR

MENTAH PAHANG-SELANGOR

Diserahkan kepada:

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
Menteri Besar, Negeri Selangor

Disediakan bersama:

1. Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)
2. Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan
3. ERA Consumer Malaysia
4. Persatuan Pengguna-Pengguna Standard Malaysia
5. FORUM Air Malaysia
6. Persatuan Pengguna Klang
7. Persatuan Pengguna Dan Sosial Daerah Petaling
8. Persatuan Pengguna Air dan Tenaga Malaysia
9. Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM)
10. Persatuan Kebajikan Pengguna Selangor
11. Persatuan Alam Sekitar Negeri Selangor
12. Selangor Water Watch
13. Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)
14. Majlis Belia Malaysia (MBM)
15. National Council of Women's Organization (NCWO)
16. Dewan Perniagaan Punjabi Malaysia

Pada 29hb Julai 2010, 12.30pm
Di Pejabat Menteri Besar Selangor
Shah Alam

1.0 LATAR BELAKANG

PENGGUNA, AIR DAN KRISIS

Air merupakan satu keperluan asas yang amat penting dalam kehidupan manusia. Kerajaan dan badan tertentu memainkan peranan penting dalam memastikan bekalan air yang bersih dan berterusan kepada rakyat. Memorandum ini disampaikan kepada semua pihak agar tindakan wajar dapat diambil bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Selangor. Selain itu, diharap Kerajaan Selangor dapat memberi kerjasama untuk menjamin kesejahteraan penduduk.

Dengan pertumbuhan penduduk yang semakin meningkat, maka secara keseluruhan berdasarkan Laporan Sumber Air Nasional 2000-2050 yang dibuat oleh Unit Perancangan Ekonomi, permintaan air meningkat antara 2% - 3.5% setiap tahun oleh Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Dengan meengambil kira permintaan sebenar 2010, adalah diunjurkan bahawa pada tahun 2014, permintaan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya akan meningkat kepada 4,907 juta liter sehari (JLH) melebihi kapasiti pengeluaran air yang terhad sehingga 4,431 JLH.

Berdasarkan sumber Utusan Online, Ketua Perangkawan Jabatan Perangkaan, Datuk Wan Ramlah Wan Abd. Raof berkata bahawa Selangor kekal dengan jumlah penduduk paling ramai di negara ini iaitu 5.2 juta orang. Beliau memberitahu jumlah penduduk Malaysia dijangka mencecah 28.9 juta orang berdasarkan kadar pertumbuhan kira-kira 2.1 peratus pada setiap tahun. Mengikut satu sumber, jumlah penduduk Selangor dan Kuala Lumpur adalah 3.95 juta dan 1.3 juta pada tahun 2000 dengan keluasan negeri 73620 km persegi dan 243 km persegi ternyata bertambah sehingga tahun 2010.

Pada tahun ini, jumlah kapasiti bekalan air di ketiga-tiga kawasan itu adalah sebanyak 4,326 JLH berbanding purata pengeluaran sebanyak 4,086 JLH bagi tempoh 1 Jun hingga 11 Julai 2010.

Salah satu projek besar yang telah dicadang dan sedang dilaksanakan untuk mengatasi potensi krisis bekalan air bersih di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur adalah Projek Penyaluran Air Mentah Pahang- Selangor (PAMPS).

Projek PAMPS dilancarkan pada tahun 2007, melalui Rancangan Malaysia ke-9 dianggarkan mencecah RM8.9 bilion. Kerajaan telah menandatangani perjanjian pinjaman sebanyak RM2.41 bilion daripada Japan Bank untuk Kerjasama Antarabangsa pada Mac 2005. Dilaporkan, pinjaman ini akan dibayar semula sepanjang 40 tahun dengan kadar faedah 0.95 % setahun.

Berdasarkan artikel Asian Water (Jan/Feb 2007) oleh Dale Ng, bertajuk Pencegahan Krisis Air di Negeri-negeri Berkepadatan Penduduk Tinggi (Averting Water Crisis in Densely Populated Malaysian States) menyatakan bahawa kos keseluruhan projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor mencecah lebih daripada RM9 bilion dan merangkumi:

Fasa 1: pembinaan empangan setinggi 30m, stesen pam dan kerja-kerja perpaipan sepanjang 12km dan terowong sepanjang 45km (melalui banjaran Titiwangsa sehingga Ulu Langat, Selangor) yang berjumlah **RM3.8 bilion**

Fasa 2: pembinaan kemudahan penyimpanan, pusat rawatan air dan perluasan rangkaian saluran berjumlah **RM5 bilion**


Secara keseluruhannya, 1 empangan dan satu terowong sepanjang 44.6km, berdiameter 5.2m akan menyalurkan bekalan air daripada Pahang ke Selangor dan Kuala Lumpur. Bekalan air itu akan dihantar sejumlah 1,867 juta meter padu sehari.

Secara dasarnya Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor membabitkan kos yang tinggi sekitar 8.8 billion (mungkin lebih) namun ia merupakan satu-satunya jalan penyelesaian yang terbaik.

Fakta-fakta Penggunaan Air Di Selangor

Graf 1 Menunjukkan permintaan air domestik mencatat pola peningkatan sebanyak 6.2% pada setiap tahun. Pola peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan pesat dalam populasi dan juga pembangunan sosioekonomi.

Graf 2 di bawah menunjukkan pola permintaan dan bekalan air



(Sumber: SRC 2008)

Peningkatan permintaan air yang direkod di antara 2007 dan 2008 adalah sebanyak 3.03% bagi sektor domestik dan 4.17% bagi sektor bukan domestik. Purata jumlah peningkatan bagi kedua-dua sektor adalah 3.48%.

Graf 2 di bawah menunjukkan pola permintaan dan bekalan air yang daripada tahun 2005 hingga tahun 2015 (jangkaan). Ia jelas menunjukkan pada tahun 2014, permintaan akan melebihi bekalan air yang ada dan mengundang krisis bekalan air.

Dengan rekod peningkatan seperti di atas, pihak kami agak bimbang dengan kenyataan Kerajaan Negeri Selangor bahawa bekalan air mencukupi sehingga 2019.

	1960	1970	1980	1990	2000	2006	2007	2008
Penggunaan Domestik (JLH)	105	177	295	493	1117	1459	1520	1566
Penggunaan Bukan Domestik (JLH)	51	85	143	238	550	933	968	1009

(Sumber: Malaysia Water Industry Guide 2009) (jadual di atas tidak termasuk *Non revenue Water dan lain-lain kegunaan*)

Graf 3 di mukasurat sebelah menunjukkan projek bekalan air yang sedia ada dan projek bekalan air yang telah dirancang untuk masa depan di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur yang mengambil kira projek PAMPS.

Unjuran Purata Permintaan Air (2011 – 2019)

SYABAS memaklumkan kepada media bahawa purata pengeluaran air bagi tempoh 1 Jun hingga 11 Julai 2010 adalah sebanyak 4,086 JLH.


Pihak kami juga telah melakukan unjuran permintaan air berdasarkan 4,086 JLH. Unjuran permintaan seperti dijadual di bawah mengambilkira enam (6) senario peningkatan iaitu 1%, 1.5%, 2.0%, 2.5%, 3.0% dan 3.5% untuk dari tahun 2011 sehingga 2019.

Unjuran juga menunjukkan bahawa dengan peningkatan 1%, permintaan air melebihi kapasiti bekalan air yang sedia ada akan berlaku seawal 2018 dan bukannya 2019. Peningkatan permintaan sebanyak 3.5% seperti yang berlaku sekarang akan menyebabkan permintaan air melebihi kapasiti bekalan air yang sedia ada (yang terhad sehingga 4,431 JLH) seawal 2012 dan bukannya 2014 seperti yang dijangka. Besar kemungkinan krisis bekalan air akan berlaku lebih awal daripada yang dijangka lebih – lebih lagi dengan cuaca dan iklim yang semakin tidak menentu. (NAHRIM, 2008)

Jadual Unjuran Permintaan

Tahun	Peratus peningkatan permintaan setiap tahun (%)					
	1.00	1.50	2.00	2.50	3.00	3.50
	Juta Liter Sehari - jlh					
2011	4126.86	4147.29	4167.72	4188.15	4208.58	4229.01
2012	4168.13	4209.50	4251.07	4292.85	4334.84	4377.03
2013	4209.81	4272.64	4336.10	4400.18	4464.88	4530.22
2014	4251.91	4336.73	4422.82	4510.18	4598.83	4688.78
2015	4294.43	4401.78	4511.27	4622.93	4736.79	4852.89
2016	4337.37	4467.81	4601.50	4738.51	4878.90	5022.74
2017	4380.75	4534.83	4693.53	4856.97	5025.26	5198.53
2018	4424.55	4602.85	4787.40	4978.39	5176.02	5380.48
2019	4468.80	4671.89	4883.15	5102.85	5331.30	5568.80

Graf 3 - Projek bekalan air yang sedia ada dan projek bekalan air yang dirancang



PENDIRIAN KAMI DALAM ISU BEKALAN AIR SELANGOR

- 1) Melihat kepada unjuran permintaan air yang kian meningkat dan sememangnya 2014 ataupun 2012 menjadi tahun kritikal. Maka, pihak kami menyokong pelaksanaan projek PAMPS dan tidak ditangguh lagi.
- 2) Sambil pelaksanaan projek PAMPS, pihak kami menggesa Kerajaan Negeri Selangor:
 - a) Mewartakan lebih banyak kawasan tadahan air (**water catchment areas**) kekal dan tidak dibangunkan untuk tujuan lain.
 - b) Segera merancang pelan yang konkrit untuk pengurusan permintaan air (*Water Demand Management*, WDM) yang telah diamalkan di negara lain dan mencapai matlamat penggunaan air yang lestari.
- 3) **Kerajaan Persekutuan** juga harus merangka dan melaksanakan **Polisi Air Nasional** yang memberikan penekanan:
 - a) kepada pengurusan permintaan air (WDM) yang efektif
 - b) pengurusan air berintegrasi (*Integated Water Management*)
 - c) dana untuk mitigasi dan adaptasi perubahan iklim
 - d) dana untuk menggalakkan penjimatan air dalam kalangan pengguna dan industri
 - e) memperuntukkan kawasan tadahan air kekal yang bebas daripada sebarang pembangunan tanah yang mengancam sumber air semulajadi yang bersih dan mudah diperolehi.
- 4) Kerajaan pusat dan negeri harus kawal pembangunan tanah di tepi sungai (hulu dan hilir sungai). Pencemaran sungai meningkatkan kos perawatan dan mengancam keselamatan bekalan sumber air. Telah dilaporkan bahawa di Sungai Klang sahaja 50 hingga 60 tan metrik sampah dikumpul SETIAP HARI.
- 5) Pihak kami menggalakkan penggunaan sumber air alternatif seperti sistem pengumpulan air hujan kerana Malaysia merupakan negara yang mempunyai taburan hujan tinggi. Selain itu, pengguna-pengguna air juga harus mengamalkan penggunaan air yang lestari agar pembaziran air dapat dielakkan.
- 6) Industri juga harus memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha pengurangan pembaziran air dalam operasi mereka melalui:
 - a) Aktiviti penjimatan air
 - b) Teknologi yang boleh mengurangkan penggunaan air dalam operasi
- 7) Pihak kami juga berpandangan serius mengenai penyelenggaraan dan penukaran paip air lama di Selangor yang terhenti. Mengikut statistik, Air Tidak Terhasil (NRW) di Selangor (termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya) masih 32.49%. Selangor sepatutnya mencapai nilai lebih rendah. Setiap sistem yang tidak diselenggara (terutamanya sistem perpaipan) akan mengalami kebocoran. Maka, penghentian ini akan memberikan impak

jangkamas panjang terhadap kos perawatan air dan operasi pemegang lesen perkhidmatan bekalan air.

- a) Pada masa yang sama, jika berlaku peningkatan dalam NRW atau tiada pengurangan yang ketara, krisis air mungkin berlaku lebih cepat berbanding 2014 disebabkan kehilangan air terawat yang masih tinggi.

Akhir kata, kami berharap agar isu air dan bekalan air bersih dan selamat yang merupakan hak universal setiap manusia tidak dijadikan isu politik dan menjadikan rakyat sebagai gadaian dalam permainan kuasa.

Semua badan-badan bukan kerajaan yang menghantar memorandum ini ingin memastikan bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya tidak terganggu. Pihak kami juga mengharapkan sikap yang bertanggungjawab kepada rakyat. Elakkan krisis air, bertindak sebelum terlambat.

KENYATAAN PIHAK TERTENTU

	KeTTHA	SYABAS	SELANGOR	SPAN	Kerajaan Pusat	NGO (FOMCA, WECAM, FORUM AIR)
Kapasiti Bekalan Sedia Ada 2010 (JLH)	4326	4326	Tidak dinyatakan	4,326	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan
Jangkaan Krisis Air	2014	2014	2019	2014	2014	2014
Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor	Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
Kos Keseluruhan (8.9 bilion)	Jelas dengan pembahagian dan peruntukan kos pembinaan dan rawatan air	Jelas dengan pembahagian dan peruntukan kos pembinaan dan rawatan air	Tidak jelas dengan jumlah kos keseluruhan: 1) menganggap kos keseluruhan bagi fasa 1 dan 2 projek Langat adalah sekitar 3 bilion	Jelas dengan pembahagian dan peruntukan kos pembinaan dan rawatan air	Jelas dengan pembahagian dan peruntukan kos pembinaan dan rawatan air	Jelas dengan pembahagian dan peruntukan kos pembinaan dan rawatan air

KENYATAAN PIHAK TERTENTU

	KeTTHA	SYABAS	SELANGOR	SPAN	Kerajaan Pusat	NGO (FOMCA, WECAM, FORUM AIR)
Pandangan/ Kenyataan			1) Terburu-buru, memandangkan bekalan air masih boleh menampung sehingga 2019. 2) Mencadangkan kaedah alternatif seperti: <ol style="list-style-type: none"> a. mengurangkan pembaziran air dengan kitar semula air, b. mengumpul dan memproses air hujan, c. meneroka sumber air lain seperti air sungai, tasik dan air bawah tanah, d. mengurangkan kadar air tanpa hasil (NRW) serta e. sistem penghantaran air yang cekap 			1) Projek ini patut diteruskan memandangkan krisis air yang bakal dihadapi pada tahun 2014 2) Langkah penyelenggaraan saluran paip sedia ada tidak dilakukan yang akan menyebabkan lebih banyak berlaku paip bocor dan mengganggu proses pembekalan air

